

# **Pemetaan Struktur Peristiwa Kesopanan Berbahasa: Kombinasi Model Leech (1983) & Grice (1975)**

*Sara Binti Beden*  
sra7109@yahoo.com.my

*Indirawati Zahid*  
indirawati@um.edu.my  
Jabatan Bahasa Melayu, Akademi Pengajian Melayu  
Universiti Malaya

## **ABSTRAK**

Makalah ini bertujuan untuk memetakan struktur peristiwa kesopanan berbahasa dalam novel *Melunas Rindu*, iaitu teks Komsasyang digunakan oleh para murid Tingkatan 4 Zon 4 di negeri Johor, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan. Analisis yang dilakukan akan memaparkan pemetaan struktur peristiwa kesopanan berbahasa yang digunakan dalam data kajian berdasarkan dialog watak utama dan watak sampingannya dalam bab 16 novel ini. Kajian ini akan mengaplikasikan kombinasi model kesopanan Leech (1983) dan model kerjasama Grice (1975) yang membentuk Model Pola Kombinasi Maksim Umum (MPKMU). Antara kaedah yang digunakan dalam kajian ini ialah analisis teks dan kaedah kuantitatif. Dapatkan kajian menunjukkan pemetaan struktur peristiwa kesopanan berbahasa memperlihatkan struktur yang bervariasi bertitik tolak daripada faktor objektif komunikasi yang berbeza-beza. Kesimpulannya, kombinasi kedua-dua model kesopanan ini telah memanifestasikan kesopanan berbahasa dalam peristiwa *Melunas Rindu*.

**Kata kunci** dialog; pola kombinasi; pola kombinasi maksim; struktur; unsur

## **ABSTRACT**

*This paper aims to map the language politeness structure of the events in the novel Melunas Rindu, a literature text used by Zone 4 Form Four students in the states of Johor, Sabah, Sarawak and the Federal Territory of Labuan. Analysis conducted will display the mapping of language politeness event structure based on the dialogues of the main and supporting characters in chapter 16. This study will apply a combination of two politeness models which*

*are Leech's Politeness Principle (1983) and Grice's Cooperative Principle (1975) which constructed the General Maxim Combination Pattern Model. Other analysis methods utilized in this study are text analysis and quantitative methods. The findings show that the mapping of language politeness event structures are varied and derived from the diverse communication objective factors. In conclusion, the combinations of both models have manifested politeness in the events of Melunas Rindu.*

**Keywords** dialogue; literature; structure; mapping; combination maxims pattern

## PENGENALAN

Kesopanan berbahasa berhubung kait dengan pertuturan yang lemah lembut dan cakap berlapik sehingga dapat memanifestasikan lantunan kehalusan dan keindahan dalam berkomunikasi. Oleh itu, pemilihan kata, ungkapan dan ayat yang tepat, sesuai dan santun perlu dititikberatkan agar komunikasi berjalan dengan lancar dan tidak ada pihak yang tersinggung. Ma'arof Abdul Rahman (2005) berpendapat bahawa kesopanan yang dititikberatkan dalam percakapan turut menunjukkan ketinggian akhlak dan akal budi serta kejernihan fikiran. Pandangan ini memberi cerminan bahawa komunikasi menuntut seseorang untuk menzahirkan kesopanannya dengan cara yang bijaksana dan berhemah dengan menggunakan bahasa halus dan berlapik agar dihargai dan dihormati oleh pihak lain. Norazlina Mohd Kiram (2010) ada menyatakan bahawa “semakin halus tutur kata, semakin manis budi bahasa, semakin indah ayat-ayat yang dituturkan maka seseorang akan dihormati dan dimuliakan” (hlm.60). Pandangan ini memanifestasikan bahawa penghormatan dan kemuliaan amat penting dalam kehidupan bermasyarakat kerana tidak ada pihak yang mahu dikeji. Tambahan pula, penghormatan dan kemuliaan yang diperolehi meletakkan seseorang pada tahap yang tinggi dan menjadi kebanggaan bangsa kerana dapat melambangkan jati diri sesebuah bangsa yang bertamadun.

Kesopanan bukan sahaja menjadi aspek yang penting dan dititikberatkan secara lisan dalam pergaulan sehari-hari malahan dalam bentuk tulisan seperti karya sastera. Karya sastera yang bermutu tidak akan mengesampingkan aspek kesopanan berbahasa dan kehalusan budi pekerti yang dipaparkan melalui penceritaan dan dialog-dialog antara watak. Tambahan pula, sesebuah karya sastera merupakan rakaman dan gambaran masyarakat dan nilai-nilai hidup (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2003). Justeru, langkah Kementerian Pelajaran

Malaysia mengintegrasikan komponen sastera (Komsas) dalam subjek Bahasa Melayu mulai tahun 2000 merupakan langkah yang tepat dan wajar. Para murid bukan sahaja mengenali karya sastera malahan mendapat pendedahan tentang kemahiran berbahasa melalui aktiviti-aktiviti kebahasaan dengan menggunakan bahan Komsas. Kekuatan bahasa dalam membina keutuhan sesebuah karya tidak akan dipinggirkan oleh pengkarya kerana bahasa merupakan medium pengungkapan fikiran, akal budi dan falsafah yang hendak disampaikan kepada khalayak. Paparan dialog-dialog dalam peristiwa komunikasi dalam bahan Komsas sudah tentu memberikan ruang dan pendedahan kepada para murid tentang cara berkomunikasi yang berhemah serta penggunaan bahasa halus dan berlapik lebih-lebih lagi apabila pengarang mewarnai watak utamanya dan watak-watak yang lain dengan nilai-nilai murni. Secara tersiratnya, tanpa disedari seseorang pengarang menerapkan struktur tertentu dalam penciptaan dialog-dialog antara watak agar mesej yang hendak disampaikan kepada khalayak khususnya para murid menjadi lebih jelas, terperinci, sistematik yang sekali gus dapat memaparkan unsur didaktik. Sara Beden dan Indirawati Zahid (2014) berpendapat bahawa karya sastera berupaya membentuk generasi yang berakhhlak dan bermoral sebagai cerminan masyarakat yang berbudi pekerti dan relevan dengan gagasan murni untuk memperkasa modal insan sejarar dengan hasrat murni dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Justeru, makalah ini akan membincangkan aspek kesopanan berbahasa dalam peristiwa novel *Melunas Rindu* dengan memberi fokus terhadap struktur peristiwa komunikasi.

## TINJAUAN LITERATUR

Penyelidikan tentang aspek kesopanan berbahasa telah menjadi tumpuan dalam kalangan sarjana-sarjana Barat khususnya yang terkenal dalam bidang pragmatik. Misalnya, Grice (1975) telah memperkenalkan Prinsip Kerjasama (PK) yang terdiri daripada empat maksim, iaitu Kuantiti, Kualiti, Relevan dan Cara manakala Brown dan Levinson (1978) pula mengutarakan konsep muka positif dan konsep muka negatif sebagai asas strategi kesopanan yang berhubungan dengan konsep penjagaan muka dengan strategi mengelak tindakan ancaman muka (*Face Threatening Acts* (FTA)). Sementara Leech (1983) telah mengetengahkan Prinsip Kesopanan (PK) sebagai gagasan bagi memperlihatkan adab dalam berkomunikasi berdasarkan enam maksim, iaitu Kebijaksanaan, Kedermawanan, Sokongan,

Kerendahan Hati, Persetujuan dan Simpati. Sarjana-sarjana Barat ini mengetengahkan maksim-maksim dan strategi sebagai panduan dan landasan yang perlu dipatuhi bagi memanifestasikan kesopanan agar komunikasi berlangsung dengan harmonis, lancar dan setiap pihak yang terlibat mendapat manfaat sekali gus berasa dihormati.

Aspek kesopanan berbahasa turut mendapat perhatian dalam kalangan sarjana tempatan. Asmah Haji Omar (2000) telah mewacanakan kesopanan berbahasa dalam urusan yang lebih rasmi seperti mesyuarat, perbincangan, rundingan dan perbahasan berdasarkan model kesopanan beliau, iaitu Kesopanan Asas dan Kesopanan Berkendala. Bagi Asmah, kesopanan berbahasa dalam urusan rasmi harus dititikberatkan dan bukanlah perkara yang boleh diremehkan kerana melibatkan maruah dan martabat pelbagai pihak. Noriati A.Rashid (2003) pula dalam penyelidikan beliau telah mengetengahkan input Islam dalam majlis pertunangan orang Melayu. Beliau mendapati orang Melayu amat kaya dengan budi bahasa yang halus, tertib dan perlakuan sopan berlandaskan nilai-nilai Islam. Sementara Abdul Mua'ti@Zamri Ahmad (2001) dalam membincangkan kesopanan telah mengusulkan bahawa kesopanan harus bersandarkan etika, prinsip, norma, adat dan budaya masyarakat. Awang Sariyan (2007) pula dalam memperkatakan kesopanan telah mengaitkannya dengan *amar makruf nahi mungkar*, iaitu menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran. Setiap pertuturan haruslah memperlihatkan ciri-ciri bahasa yang sopan agar dapat mendatangkan kebaikan kepada semua pihak agar tiada pihak yang tersinggung.

Sehubungan itu, kajian dengan menggunakan data korpus bahan Komsas telah mendapat perhatian dalam kalangan pengkaji di peringkat pengajian tinggi. Misalnya, kajian Muhamad Yazid Kassim (2005) dan kajian Shukri Zakaria (2007) yang memberikan fokus terhadap nilai-nilai murni sebagaimana yang dihasratkan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Sementara kajian Dahlia Janan (2003) memberikan fokus terhadap kesesuaian dan kebolehpercayaan teks Komsas dan kajian Ab Rahman Ab Rashid (2006) pula meneliti aspek estetika dan nilai serta hubungannya dengan latar belakang murid. Walau bagaimanapun, kajian-kajian tersebut tidak memberikan fokus terhadap aspek kesopanan berbahasa dari sudut pragmatik. Kajian yang memberikan fokus terhadap aspek kesopanan berbahasa terdapat dalam kajian Nor Azian Abd Aziz (2005) yang menggunakan data novel *Seteguh Karang* dan kajian Noor Hatini dan Siti Saniah (2011) yang mengupas unsur eufemisme atau bahasa halus menerusi novel *Papa* dan *Azfa Hanani*. Kedua-dua kajian ini mengaplikasikan

PS Leech (1983) kerana model kesopanan ini amat relevan untuk meneliti aspek kesopanan berbahasa dalam bahan Komsas yang bersifat didaktik.

Kesimpulannya, kajian kesopanan berbahasa semakin berkembang dalam pelbagai bidang termasuklah kajian dengan menggunakan bahan Komsas. Kajian-kajian yang sedia ada menjadi garis panduan untuk melakukan kajian yang lebih lanjut. Kesopanan perlu dipelajari dan dipraktikkan dalam kehidupan supaya ketinggian adab, kemuliaan akhlak dan nilai kesopanan terus terpelihara. Oleh itu, aspek kesopanan berbahasa dalam bahan Komsas memerlukan kajian yang berterusan, terperinci dan mendalam agar dapat memberi sumbangan yang bermakna.

## OBJEKTIF

Penyelidikan ini mempunyai objektif, iaitu memetakan struktur peristiwa kesopanan berbahasa dalam novel *Melunas Rindu* berdasarkan kombinasi model Leech (1983) dan Grice (1975) yang membentuk Model Pola Kombinasi Maksim Umum (MPKMU).

## METODOLOGI

Kajian ini menggunakan dua kaedah utama, iaitu kaedah kualitatif dan kaedah kuantitatif. Kaedah kualitatif melibatkan penyelidikan kepustakaan dan kaedah analisis teks. Kaedah kepustakaan melibatkan pembacaan dan pengumpulan bahan-bahan yang berkaitan dengan tajuk kajian. Sumber utama yang bakal digunakan banyak terdapat dalam bentuk bertulis seperti buku, majalah, jurnal, akhbar, kertas-kertas kerja seminar dan latihan ilmiah.

Kaedah analisis teks dilakukan dengan memilih teks atau novel yang sesuai sebagai bahan kajian. Pembacaan secara teliti dilakukan terhadap teks diikuti dengan pemilihan watak yang terlibat dan dijadikan fokus kajian. Pengkategorian dibuat dengan memilih dialog yang diujarkan oleh watak utama dan watak sampingan. Dialog-dialog tersebut dikeluarkan dan akan melalui proses pelabelan atau pengekodan.

Data dikod berdasarkan tajuk buku, bab (jumlah halaman dalam satu-satu bab), nama watak yang melafazkan dialog, halaman dan nombor dialog mengikut urutan dalam sesebuah bab. Misalnya, MR-B1(9)-Fu-H6-D1/5. MR bermaksud *Melunas Rindu*, B1(9) bermakna

Bab 1 dan angka 9 dalam kurungan merujuk kepada jumlah halaman dalam Bab 1, singkatan Fu bagi nama watak yang melafazkan dialog iaitu Fuad (singkatan Fa untuk watak Farhana), H6 ialah halaman 6 dan D1/5 pula ialah dialog 1 daripada 5 dialog yang dilafazkan oleh watak Fuad dalam Bab 1. Tujuan pengekodan adalah untuk memudahkan proses pengenalpastian data analisis. Seterusnya, dialog dikelompokkan berdasarkan peristiwa tertentu sebelum dianalisis.

Analisis dilakukan dengan mengenal pasti unsur bahasa yang digunakan dalam dialog antara watak berdasarkan peristiwa komunikasi dengan memberi fokus terhadap penggunaan kata, ungkapan dan ayat yang bersesuaian dengan padanan maksim-maksim dalam Model Pola Kombinasi Maksim Umum (MPKMU), iaitu kombinasi Prinsip Kesopanan Leech (1983) dan Prinsip Kerjasama Grice (1975). Manakala kaedah kuantitatif pula akan memaparkan dominasi pola kombinasi maksim dalam bentuk jumlah dan peratusan yang digunakan dalam peristiwa yang dianalisis.

## BAHAN KAJIAN

Novel *Melunas Rindu* karya Hartini Hamzah (2009) digunakan sebagai novel Komsas di Zon 4 (Johor, Sarawak, Sabah dan Wilayah persekutuan Labuan) mulai tahun 2010 telah dipilih sebagai data korpus kajian ini. Bahan ini dipilih kerana telah dinilai dan pernah memenangi hadiah pertama bagi kategori Novel Remaja dalam pertandingan yang dianjurkan oleh Utusan Melayu & Public Bank pada tahun 1998. Novel ini juga memperlihatkan penggunaan bahasa yang berkualiti dan mudah difahami sekali gus memudahkan penyampaian dan penerimaan mesej kepada khalayaknya, iaitu para murid. Tambahan pula, tema yang dipaparkan dalam novel ini bersifat universal, iaitu tentang kasih sayang yang merangkumi kasih sayang kepada adik-beradik, ibu bapa dan rakan sekerja yang sewajarnya disuburkan dalam kalangan generasi muda.

Sesebuah karya sastera yang dipilih untuk bacaan dan kajian serta penghayatan para murid sudah tentu memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum sejak bermulanya pengintegrasian teks Komsas secara terancang dalam mata pelajaran Bahasa Melayu pada tahun 2000. Langkah ini diambil setelah mengkaji kandungan dalam sesebuah karya sastera yang sudah tentu mengandungi nilai-nilai murni sebagai wadah untuk mentarbiah dan menyemai unsur-unsur yang membina sama ada dari segi jasmani, rohani, emosi dan intelek seperti yang tercakup dalam Falsafah

Pendidikan Kebangsaan. Karya sastera juga merupakan wadah untuk membina sikap yang positif (Sawyer dan Corner, 1998). Berdasarkan sikap yang positif dan pengamalan nilai-nilai murni, maka lahirnya insan yang sopan, iaitu pancaran daripada sikap berbudi bahasa yang dipelajari dalam bilik darjah. Yahya Othman (2005, 32) berpendapat bahawa amalan berbudi bahasa yang diajar secara formal dalam bilik darjah dapat memberikan pendedahan dan peluang kepada murid untuk memahami, mengetahui dan mengamalkannya. Justeru, pengajaran bahasa Melayu menjadi medan yang relevan untuk menerapkan amalan kesopanan berbahasa dalam kalangan murid. Oleh itu, kajian ini akan meneliti aspek kesopanan berbahasa dengan memberi fokus terhadap struktur yang digunakan dalam novel *Melunas Rindu*.

## BATASAN KAJIAN

Kajian ini menggunakan dialog yang dilafazkan oleh dua watak, iaitu Fuad watak utama dan watak sampingan, iaitu Farhana dalam bab 16 novel ini. Kajian ini hanya menggunakan 44 dialog dan jumlah 44 dialog ini bukanlah jumlah mutlak bilangan dialog kerana dalam kajian ini dialog dirujuk sebagai bentuk lafaz seseorang watak yang boleh menyamai satu ayat atau bentuk lafaz seseorang watak yang melebihi jumlah satu ayat dalam sesuatu peristiwa. Data kajian yang akan diteliti adalah seperti dalam Jadual 1 yang berikut:

**Jadual 1** Data Kajian

Bab	Bil	Peristiwa	Jumlah Dialog
16	1	Perbualan tentang penyakit ibu Farhana dan teguran Fuad	10
	2	Perbualan tentang adik-adik Farhana	4
	3	Fuad mengejutkan Farhana	5
	4	Fuad bertanyakan maklumat ibu Farhana	11
	5	Fuad mencungkil latar belakang ibu Farhana	11
	6	Fuad menasihat Farhana	3
Jumlah			44

Analisis yang dilakukan hanya melibatkan peristiwa-peristiwa yang terdapat dalam Bab 16 ini dengan memberi fokus pada dialog antara watak Fuad dan watak Farhana, iaitu watak utama dan watak

sampingan yang juga rakan sekerja di sekolah. Dialog-dialog ini dikelompok berdasarkan enam peristiwa. Dialog-dialog di atas akan dianalisis dengan berdasarkan MPKMU hasil kombinasi PS Leech dan PK Grice.

## KERANGKA TEORITIS

Kajian ini menggunakan kombinasi dua model kesopanan, iaitu PK Leech (1983) dan PK Grice (1975). Leech telah mengetengahkan enam maksim, iaitu Kebijaksanaan, Kedermawanan, Sokongan, Kerendahan Hati, Persetujuan dan Simpati sementara Grice pula mengutarakan empat maksim, iaitu Kuantiti, Kualiti, Relevan dan Cara. Kombinasi kedua-dua model ini telah membentuk model yang baharu, iaitu Model Pola Kombinasi Maksim Umum (MPKMU). Model baharu ini dibina bertitik tolak daripada faktor pengaplikasianya yang relevan untuk mengkaji aspek kesopanan berbahasa dalam bahan Komsas yang sarat dengan nilai-nilai murni. Noriati A.Rashid (2005) memberi pendapat bahawa maksim-maksim Leech sesuai dalam memperlihatkan kesopanan kerana mementingkan adab dalam berkomunikasi agar tidak menyinggung perasaan orang lain. Maksim Kebijaksanaan, Maksim Kedermawanan dan Maksim Kerendahan Hati dapat menggambarkan peribadi yang santun atau sopan. Manakala maksim-maksim Grice dapat melengkapkan model kesopanan berbahasa dalam PS Leech kerana berupaya mewujudkan kerjasama dalam komunikasi.

Pembentukan MPKMU ini berasaskan tiga prinsip, iaitu hampir sama, ekonomis dan tepat. Justeru, terdapat enam pola kombinasi maksim dalam MPKMU ini. Ringkasnya, MPKMU ini terdapat dalam Jadual 2 berikut:

**Jadual 2** Model Pola Kombinasi Maksim Umum

Pola	Model Pola Kombinasi Maksim Umum (MPKMU)
Pola 1	Kebijaksanaan + Kedermawanan + Sokongan + Kerendahan Hati + Persetujuan + Simpati + Kuantiti + Kualiti + Relevan + Cara (6 PS + 4 PK)
Pola 2	Kebijaksanaan + Kedermawanan + Sokongan + Kerendahan Hati + Persetujuan + Kuantiti + Kualiti + Relevan (5 PS+3 PK)
Pola 3	Kebijaksanaan + Kedermawanan + Sokongan + Kerendahan Hati + Kuantiti + Kualiti (4 PS+2 PK)

**samb. Jadual 2**

Pola 4	Kebijaksanaan + Kedermawanan + Sokongan + Kuantiti (3 PS+1 PK)
Pola 5	Kebijaksanaan + Kedermawanan (2 PS)
Pola 6	Kebijaksanaan (1 PS)

PS = Prinsip Kesopanan PK = Prinsip Kerjasama

Berdasarkan Jadual 2, terdapat enam pola kombinasi maksim, iaitu Pola 1 : 6 PS + 4 PK; Pola 2 : 5 PS + 3 PK; Pola 3 : 4 PS + 2 PK; Pola 4 : 3PS + 1 PK; Pola 5 : 2 PS dan Pola 6 : 1 PS yang terbentuk dalam MPKMU. Model ini akan digunakan untuk menganalisis data-data kajian.

## **KONSEP OPERASIONAL**

Berikut beberapa konsep yang digunakan dalam kajian ini, iaitu:

### **Dialog**

*Kamus Dewan Edisi Keempat* (2007) memerihalkan pengertian dialog sebagai kata-kata yang dituturkan oleh watak-watak dalam drama atau fiksyen. Dalam kajian ini pula, dialog bermaksud bentuk lafaz seseorang watak yang boleh menyamai satu ayat atau bentuk lafaz seseorang watak yang melebihi satu ayat. Dalam data kajian ini, ada antara dialog yang dilafazkan oleh watak-watak tertentu yang melebihi jumlah satu ayat tetapi dikira sebagai satu dialog.

### **Pola kombinasi**

Pola kombinasi merujuk pada aturan gabungan maksim.

### **Pola kombinasi maksim**

Pola kombinasi maksim merujuk pada aturan gabungan maksim Prinsip Kesopanan Leech (1983) dan Prinsip Kerjasama Grice (1975).

### **Ungkapan**

Ungkapan ialah susunan kata yang digunakan dalam percakapan (tulisan), frasa atau rangkai kata yang tertentu susunan katanya dan melebihi jumlah satu kata.

### **Pemetaan**

Pemetaan dalam kajian ini merujuk pada paparan aturan struktur berdasarkan peristiwa.

### **Struktur**

Struktur dalam kajian ini merujuk pada kaedah aturan penggunaan unsur bahasa berdasarkan maksim.

### **Pemetaan struktur**

Pemetaan struktur dalam kajian ini merujuk pada paparan aturan struktur penggunaan unsur bahasa berdasarkan maksim dalam peristiwa.

### **Unsur bahasa**

Unsur bahasa dalam kajian ini merujuk pada kata, ungkapan dan ayat yang digunakan dalam dialog.

### **Peristiwa komunikasi**

Peristiwa komunikasi menurut Saville-Troike (1991) antaranya merujuk pada satu set komponen yang seragam, dimulai tujuan umum, topik umum yang sama, melibatkan peserta yang sama, peraturan interaksi yang sama dan latar yang sama. Peristiwa berakhir apabila berlaku perubahan pada peranan dan fokus perhatian. Jika tidak berlaku sedemikian, maka garis sempadan antara peristiwa ditandai jarak masa kesenyapsunyian. Dalam kajian ini pengelompokan peristiwa turut merujuk pada konsep yang sama, iaitu ada topik, latar, peserta serta ditandai kesenyapsunyian selain mengandungi dialog antara watak yang telah dilabelkan.

## **ANALISIS DAN PERBINCANGAN**

Analisis yang dilakukan terhadap data berdasarkan enam peristiwa yang terdapat dalam Bab 16 berlandaskan MPKMU memperlihatkan penggunaan dua pola kombinasi maksim sahaja, iaitu Pola 1, 6 PS + 4 PK dan Pola 2, 5 PS + 3 PK. Dapatkan ini terdapat dalam Jadual 3 yang berikut:

**Jadual 3** Hasil Dapatan Analisis

Pola	No/ Jumlah peristiwa	Pola kombinasi maksim	Jumlah Dialog	Peratus (%)
1 (6 PS + 4 PK)	1	Kebijaksanaan+Kerendahan Hati +Persetujuan+ <b>Sympati</b> +Kuantiti	10	24 54.54
	4	Kebijaksanaan+Persetujuan+Cara	11	
	6	Kebijaksanaan+ <b>Sympati</b>	3	
2 (5 PS + 3 PS)	2	Kebijaksanaan+ <b>Persetujuan</b> + Kuantiti	4	20 45.45
	3	Kebijaksanaan+Kedermawanan + <b>Relevan</b>	5	
	5	Kebijaksanaan+ <b>Persetujuan</b> + Kuantiti+ <b>Relevan</b>	11	
<b>Jumlah</b>		6	44	100

Jadual 3 memaparkan hasil dapatan yang menunjukkan penggunaan dua pola kombinasi maksim dalam MPKMU berdasarkan enam peristiwa dalam Bab 16 novel ini. Pola 1 diwakili tiga peristiwa dengan jumlah 24 dialog atau 54.54 peratus dan Pola 2 juga diwakili 3 peristiwa dengan jumlah 20 dialog atau 45.45 peratus. Dapatan ini memperlihatkan penggunaan kekerapan yang seimbang kerana didapati tiga peristiwa mematuhi Pola 1, iaitu peristiwa 1, 4 dan 6 manakala tiga lagi peristiwa mematuhi Pola 2, iaitu peristiwa 2, 3 dan 5. Perkara ini juga berlaku bertitik tolak daripada faktor tiga peristiwa dalam Pola 1 dan tiga lagi peristiwa dalam Pola 2 memenuhi prinsip hampir sama bagi membolehkannya diklasifikasikan dalam Pola 1 dan Pola 2 berdasarkan MPKMU. Peristiwa-peristiwa berkenaan juga memenuhi cakupan maksim-maksim dalam pola-pola berkenaan dan memenuhi kriteria untuk diklasifikasikan dalam Pola 1 dan Pola 2.

Analisis pemetaan struktur peristiwa ini dipaparkan dalam bentuk jadual yang mengandungi empat kolumn, iaitu **kolumn 1** ialah paparan peristiwa, **kolumn 2** tentang unsur-unsur bahasa yang digunakan dalam dialog, **kolumn 3** pula tentang dialog-dialog yang dituturkan oleh watak Fuad dan Farhana yang mematuhi maksim manakala **kolumn 4** tentang maksim yang digunakan. Perbincangan analisis pemetaan struktur peristiwa kesopanan berbahasa disusun berdasarkan urutan peristiwa-peristiwa yang mematuhi Pola 1 kemudian peristiwa-peristiwa yang mematuhi Pola 2 sebagaimana dalam paparan berikut.

**Pola 1: Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Kedermawanan + Sokongan + Kerendahan Hati+ Persetujuan + Simpati + Kuantiti + Kualiti + Relevan + Cara - 6 Ps + 4 Pk**

Berdasarkan analisis penggunaan pola kombinasi maksim dalam MPKMU, didapati tiga peristiwa telah memenuhi cakupan maksim-maksim dalam Pola 1 ini atas prinsip hampir sama. Berdasarkan prinsip hampir sama, setiap peristiwa perlu memenuhi salah satu daripada kriteria, iaitu (i) peristiwa yang mematuhi kehadiran Maksim Simpati, (ii) peristiwa yang mematuhi kehadiran Maksim Cara dan (iii) peristiwa yang mematuhi kehadiran Maksim Simpati dan Cara. Peristiwa tersebut ialah **peristiwa 1: perbualan tentang penyakit ibu Farhana dan teguran Fuad yang memenuhi kriteria kehadiran Maksim Simpati**, **peristiwa 4 : Fuad bertanyakan maklumat ibu Farhana yang memenuhi kriteria kehadiran Maksim Cara** dan **peristiwa 6: Fuad memberi nasihat kepada Farhana yang memenuhi kriteria kehadiran Maksim Simpati**.

- (i) **Peristiwa 1:** Perbualan tentang Penyakit Ibu Farhana dan Teguran Fuad tentang Sikap Farhana - Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Kerendahan Hati + Persetujuan + Simpati + Kuantiti

Peristiwa yang mematuhi pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Kerendahan Hati + Persetujuan + Simpati + Kuantiti yang diklasifikasikan dalam Pola 1 terdapat dalam Lampiran 1. Pemetaan struktur peristiwa kesopanan berbahasa berdasarkan peristiwa 1, iaitu perbualan Fuad dan Farhana tentang penyakit ibu Farhana dan teguran Fuad terdapat dalam Jadual 4 yang berikut:

**Jadual 4** Pemetaan Struktur Peristiwa 1

Peristiwa: 1	Unsur	Dialog	Maksim
	Unsur pertanyaan	<b>Fu</b> : Mak sakit apa? Terukkah?	Kuantiti
	Unsur pernyataan	<b>Fa</b> : Sakit biasa dialah. Lelah. Semasa masuk hospital tengah hari tadi, katanya teruk. Sekarang okey sikit, dah boleh bercakap.	

**samb. Jadual 4**

Perbualan Fuad dan Farhana tentang penyakit ibu Farhana dan teguran Fuad	Unsur penghargaan	<b>Fu</b> : Alhamdulillah.	Kebijaksanaan
	Unsur pernyataan	<b>Fa</b> : Kasihan mak.	
	Unsur pernyataan	<b>Fu</b> : Aku ingat nak ambil cuti sakit sajalah.	Simpati
	Unsur pernyataan	<b>Fa</b> : Menyusahkan kau saja, Fuad	
	Unsur nasihat	<b>Fu</b> : Kalau betul kau kawan aku, aku harap kau tak cakap lagi perkara-perkara macam tu.	Kebijaksanaan
	Unsur permintaan	<b>Fa</b> : Okey, maaf, maaf.	Kerendahan Hati
	Unsur pernyataan	Fu : Aku tak marah, Ana.	Persetujuan
	Unsur pernyataan	Fa : Aku tahu. Kau memang takut nak marah aku.	

Berdasarkan pemetaan struktur peristiwa 1 sebagaimana paparan dalam Jadual 4, mukadimah perbualan dimulakan oleh Fuad dengan menggunakan unsur pertanyaan, iaitu bertanya tentang keadaan penyakit ibu Farhana dalam dialog **Mak sakit apa? Terukkah?** bagi memperoleh maklumat yang mencukupi. Farhana menggunakan unsur pernyataan dengan memberikan maklumat yang mencukupi dan informatif tentang penyakit lelah yang dihidapi ibunya dan keadaan ibunya yang mula-mula teruk semakin bertambah baik dalam dialog **Sakit biasa dialah. Lelah. Semasa masuk hospital tengah hari tadi, katanya teruk. Sekarang okey sikit, dah boleh bercakap.** Setelah mendengar keadaan ibu Farhana, Fuad menggunakan unsur penghargaan, iaitu menyatakan rasa bersyukur atas kesejahteraan ibu Farhana dalam dialog **Alhamdulillah.**

Seterusnya, Farhana menggunakan unsur pernyataan bagi memperlihatkan sikap simpati kepada ibunya dalam dialog **Kasihan mak.** Fuad mengekspresikan sikap mengambil berat dengan menyatakan bahawa dia akan mengambil cuti untuk menemani Farhana dalam dialog **Aku ingat nak ambil cuti sakit sajalah.** Apabila mendengar pernyataan Fuad, Farhana menggunakan unsur pernyataan, iaitu melahirkan perasaan simpatinya kepada Fuad kerana tidak mahu

membebani dan menyusahkan Fuad dengan masalahnya sebagaimana dalam dialog ***Menyusahkan kau saja, Fuad.*** Setelah itu, Fuad menggunakan unsur nasihat, iaitu menasihati Farhana bahawa Farhana perlu memberitahunya jika memerlukan pertolongan seandainya Farhana menganggap Fuad sebagai kawan baik sebagaimana dalam dialog ***Kalau betul kau kawan aku, aku harap kau tak cakap lagi perkara-perkara macam tu.*** Farhana meminta maaf dalam dialog ***Okey, maaf, maaf*** atas perbuatannya sebagai tanda kerendahan hati dengan menggunakan unsur permintaan. Akhirnya, Fuad menyatakan dia tidak marah kepada Farhana dalam dialog ***Aku tak marah, Ana*** dan Farhana menyetujuinya dengan menggunakan unsur pernyataan dalam dialog ***Aku tahu. Kau memang takut nak marah aku*** sambil berlawak. Unsur pertanyaan, pernyataan, penghargaan, nasihat dan permintaan digunakan dalam peristiwa ini bagi memancarkan kesopanan berbahasa selain mencapai objektif komunikasi, iaitu menasihati Farhana.

- (ii). **Peristiwa 4:** Fuad bertanyakan maklumat ibu Farhana - Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Persetujuan + Cara (penjelasan dan susunan tertib)

Peristiwa yang mematuhi pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Persetujuan + Cara (penjelasan dan susunan tertib) terdapat dalam Lampiran 2. Pemetaan struktur peristiwa kesopanan berbahasa berdasarkan peristiwa 4, iaitu Fuad bertanyakan hal ibu Farhana terdapat dalam Jadual 5 yang berikut :

**Jadual 5** Pemetaan Struktur Peristiwa 4

Peristiwa: 4	Unsur	Dialog	Maksim
	Unsur sapaan	<b>Fu</b> : Ana ...	Kebijaksanaan
	Unsur pertanyaan	<b>Fu</b> : Betul ke nama mak kau, Mariana?	Persetujuan
	Unsur pernyataan	<b>Fa</b> : Memang pun nama mak aku Mariana.	
	Unsur pertanyaan	<b>Fu</b> : Jadi, memang betullah? Mariana binti Osman, ya?	
	Unsur pernyataan	<b>Fa</b> : Ya, betul.	

**samb. Jadual 5**

Fuad bertanyakan hal ibu Farhana	Unsur permintaan	<b>Fa</b> : Tolonglah beritahu aku.	Kebijaksanaan
	Unsur penjelasan	<b>Fu</b> : Kau tau Ana, nama mak aku pun Mariana juga. Dan datuk aku pula, dipanggil Seman. Besar kemungkinan nama betulnya ialah Osman. Jadi, nama mak aku ialah Mariana binti Osman, sama macam nama mak engkau dan mak aku pula khabarnya masih hidup ...	Cara (penjelasan)
	Unsur sapaan	<b>Fa</b> : Fuad ...?	Persetujuan
	Unsur pertanyaan	<b>Fu</b> : Betul nama mak engkau, Mariana?	
	Unsur pernyataan	<b>Fa</b> : Betul.	
	Unsur penjelasan	<b>Fu</b> : Pertama sekali, kita perlu tenangkan fikiran. Gunakan segala kematangan dan kebijaksanaan yang kita ada untuk menerima apa sahaja takdir untuk kita. Kita semua ni makhluk Allah. Ingat, Allah menurunkan dugaan kepada hamba-hamba yang dikasihi-Nya. Kedua, kita siasat dulu. Semua ini mungkin betul, tapi mungkin juga salah.	Cara (susunan tertib)

Berdasarkan pemetaan struktur peristiwa 4 sebagaimana paparan dalam Jadual 5, mukadimah perbualan dimulakan oleh Fuad dengan menggunakan unsur sapaan, iaitu menyapa Farhana dalam dialog **Ana** ... sebagai tanda kebijaksanaannya memulakan bicara. Kemudian Fuad menggunakan unsur pertanyaan dalam dialog **Betul ke nama mak kau, Mariana?** bagi mendapatkan persetujuan daripada Farhana tentang nama ibu Farhana. Farhana menyatakan persetujuan dengan menggunakan unsur pernyataan bahawa ibunya memang bernama Mariana sebagaimana dalam dialog **Memang pun nama mak aku Mariana.** Walau bagaimanapun, Fuad bertanya sekali lagi dengan menggunakan unsur pertanyaan bagi mendapatkan persetujuan tentang hal yang sama dalam dialog **Jadi, memang betullah? Mariana**

**binti Osman, ya?** Farhana menyatakan persetujuannya melalui unsur pernyataan bahawa memang ibunya bernama Mariana dalam dialog **Ya, betul.**

Seterusnya, Farhana menggunakan unsur permintaan dengan meminta Fuad memberitahunya perkara yang sebenar dalam dialog **Tolonglah beritahu aku.** Kemudian, Fuad menggunakan unsur penjelasan bagi menjelaskan nama ibu dan datuknya yang sama dan mirip dengan nama ibu dan datuk Farhana, iaitu Osman sebagaimana dalam dialog *Kau tau Ana, nama mak aku pun Mariana juga. Dan datuk aku pula, dipanggil Seman. Besar kemungkinan nama betulnya ialah Osman. Jadi, nama mak aku ialah Mariana binti Osman, sama macam nama mak engkau dan mak aku pula khabarnya masih hidup....* Apabila Farhana mendengar penjelasan Fuad, Farhana menggunakan unsur sapaan untuk menyapa Fuad dengan penuh tanda tanya dalam dialog **Fuad ...?** Selanjutnya, Fuad menggunakan unsur pertanyaan untuk mengesahkan nama ibu Farhana sekali lagi bagi mendapatkan persetujuan daripada Farhana dalam dialog **Betul nama mak engkau, Mariana?** Farhana menggunakan unsur pernyataan dengan mengiakan nama ibunya yang disebut oleh Fuad sebagai tanda persetujuan dalam dialog **Betul.** Akhirnya, Fuad menggunakan unsur penerangan, iaitu menerangkan secara tertib dengan menggunakan unsur penjelasan kepada Farhana tentang cara yang terbaik untuk mereka menghadapi dugaan dan takdir tersebut sebagaimana dalam dialog *Pertama sekali, kita perlu tenangkan fikiran. Gunakan segala kematangan dan kebijaksanaan yang kita ada untuk menerima apa sahaja takdir untuk kita. Kedua, kita siasat dulu. Semua ini mungkin betul, tapi mungkin juga salah.* Unsur sapaan, pertanyaan, pernyataan dan penjelasan digunakan dalam peristiwa ini bagi mempamerkan kesopanan selain mencapai objektif komunikasi, iaitu mengesahkan maklumat tentang ibu Farhana.

### (iii) Peristiwa 6: Fuad menasihati Farhana – **Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Simpati**

Peristiwa yang mematuhi pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Simpati terdapat dalam Lampiran 3. Pemetaan struktur peristiwa kesopanan berbahasa berdasarkan peristiwa 6, iaitu Fuad menasihati Farhana agar menerima takdir terdapat dalam Jadual 6 yang berikut :

**Jadual 6** Pemetaan Struktur Peristiwa 6

<b>Peristiwa: 6</b>	<b>Unsur</b>	<b>Dialog</b>	<b>Maksim</b>
Fuad menasihati Farhana agar menerima takdir	Unsur pertanyaan	<b>Fa:</b> Macam mana kalau mak terjaga?	Simpati
	Unsur pernyataan	<b>Fa:</b> Saya bimbang sakitnya bertambah teruk.	
	Unsur nasihat	<b>Fu:</b> Sabarlah Ana, sabarlah. Tapi, yakinlah Ana. Setiap satu pemberian Allah kepada kita, tentu ada hikmahnya.	Kebijaksanaan
	Unsur nasihat	<b>Fu:</b> Jodoh pertemuan, semua tu kuasa Tuhan. Aku yakin, kau akan bertemu jodoh dengan orang yang jauh lebih baik daripada aku.	

Berdasarkan pemetaan struktur peristiwa 6 sebagaimana paparan dalam Jadual 7, mukadimah perbualan dimulakan oleh Farhana dengan menggunakan unsur pertanyaan dalam dialog **Macam mana kalau mak terjaga?** ekoran perasaan risaunya tentang keadaan ibunya. Kemudian Farhana menggunakan unsur pernyataan untuk menggambarkan kebimbangan dan tanda simpati kepada ibunya dalam dialog **Saya bimbang sakitnya bertambah teruk.** Seterusnya, Fuad yang memahami keadaan tersebut menggunakan unsur nasihat agar Farhana bersabar, yakin dan menerima ketentuan takdir dengan redha sebagaimana dalam dialog **Sabarlah Ana, sabarlah. Tapi, yakinlah Ana. Setiap satu pemberian Allah kepada kita, tentu ada hikmahnya.** Akhirnya, Fuad memberi dorongan dengan menggunakan unsur nasihat bahawa segala yang berlaku merupakan ketentuan dan mengharapkan Farhana akan bertemu jodoh yang lebih baik lagi nanti sebagaimana dalam dialog **Jodoh pertemuan, semua tu kuasa Tuhan. Aku yakin, kau akan bertemu jodoh dengan orang yang jauh lebih baik daripada aku.** Nasihat dan motivasi yang diberikan oleh Fuad akan dapat membantu Farhana agar bersikap lebih positif. Unsur pertanyaan, pernyataan dan nasihat digunakan dalam peristiwa ini bagi mencitrakan kesopanan, selain mencapai objektif komunikasi, iaitu menasihati Farhana agar menerima takdir.

**Pola 2: Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Kedermawanan + Sokongan + Kerendahan Hati + Persetujuan + Kuantiti + Relevan - 5 Ps + 3 Pk**

Berdasarkan analisis penggunaan pola kombinasi maksim dalam MPKMU, didapati tiga peristiwa telah memenuhi cakupan maksim-maksim dalam Pola 2 ini atas prinsip hampir sama. Peristiwa yang diklasifikasikan dalam Pola 2 dan mematuhi prinsip hampir sama perlu memenuhi kriteria, iaitu (i) peristiwa yang mematuhi kehadiran Maksim Persetujuan, (ii) peristiwa yang mematuhi kehadiran Maksim Relevan dan (iii) peristiwa yang mematuhi kehadiran Maksim Persetujuan dan Relevan. Peristiwa tersebut ialah **peristiwa 2: perbualan tentang adik-adik Farhana yang memenuhi kriteria kehadiran Maksim Persetujuan, peristiwa 3: Fuad mengejutkan Farhana dari tidur yang memenuhi kriteria kehadiran Maksim Relevan dan peristiwa 5: Fuad mencungkil latar belakang ibu Farhana yang memenuhi kriteria kehadiran Maksim Persetujuan dan Relevan.**

- (i) **Peristiwa 2 :** Perbualan tentang adik-adik Farhana - Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Persetujuan +Kuantiti

Peristiwa yang mematuhi pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Persetujuan + Kuantiti yang diklasifikasikan dalam Pola 2 terdapat dalam Lampiran 4. Pemetaan struktur peristiwa kesopanan berbahasa berdasarkan peristiwa 2, iaitu perbualan Fuad dan Farhana tentang adik-adik Farhana terdapat dalam Jadual 7 yang berikut:

**Jadual 7** Pemetaan Struktur Peristiwa 2

Peristiwa : 2	Unsur	Dialog	Maksim
Perbualan Fuad dan Farhana tentang adik-adik Farhana di rumah	Unsur pertanyaan	<b>Fu:</b> Eh, adik-adik kau di rumah siapa jaga?	Kuantiti
	Unsur pernyataan	<b>Fa :</b> Tak ada siapa. Mereka dah besar, pandai bawa diri.	
	Unsur cadangan	<b>Fa:</b> Cuma, kalau kau lapang, bolehlah kau jenguk mereka di rumah sekejap. Nak tidur di rumah pun tak apa.	Kebijaksanaan

**samb. Jadual 7**

	Unsur pernyataan	<b>Fu:</b> Okey, nanti selepas maghrib aku pergi.	Persetujuan
	Unsur pertanyaan	<b>Fu :</b> Ana, aku ingat nak tidur di sini saja, temankan engkau. Boleh tak?	
	Unsur pernyataan	<b>Fa :</b> Kalau sudi tidur di kaki lima, apa salahnya.	

Berdasarkan pemetaan struktur peristiwa 2 sebagaimana paparan dalam Jadual 7, mukadimah perbualan dimulakan oleh Fuad dengan menggunakan unsur pertanyaan, iaitu bertanya tentang adik-adik Farhana dalam dialog **Eh, adik-adik kau di rumah siapa jaga?** Kemudian Farhana memberikan maklumat yang mencukupi dan informatif tentang situasi adik-adiknya yang tiada dijagai sesiapa dan pandai berdikari kepada Fuad dalam dialog **Tak ada siapa. Mereka dah besar, pandai bawa diri.** Seterusnya, Farhana memberi cadangan kepada Fuad agar menjenguk adik-adiknya jika berkelapangan sebagai tanda berhemah dalam berkomunikasi agar memberi pilihan kepada Fuad sebagaimana dalam dialog **Cuma, kalau kau lapang, bolehlah kau jenguk mereka di rumah sekejap. Nak tidur di rumah pun tak apa.** Apabila mendengar cadangan daripada Farhana, Fuad menyatakan persetujuannya akan pergi dalam dialog **Okey, nanti selepas maghrib aku pergi.** Seterusnya, Fuad bertanya kepada Farhana untuk mendapatkan persetujuan tentang Fuad hendak menemani Farhana di hospital dalam dialog **Ana, aku ingat nak tidur di sini saja, temankan engkau. Boleh tak?** Akhirnya, Farhana memberikan persetujuannya dengan menggunakan unsur pernyataan, iaitu asalkan Fuad sudi tidur di kaki lima wad dalam dialog **Kalau sudi tidur di kaki lima, apa salahnya.** Unsur pertanyaan, pernyataan dan cadangan digunakan dalam peristiwa ini bagi menggambarkan kesopanan selain mencapai objektif komunikasi, iaitu mengetahui keadaan adik-adik Farhana.

**(ii) Peristiwa 3 : Fuad Mengejutkan Farhana dari Tidur - Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Kedermawanan + Relevan**

Peristiwa yang mematuhi pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Kedermawanan + Relevan yang diklasifikasikan dalam Pola 2

terdapat dalam Lampiran 5. Pemetaan struktur peristiwa kesopanan berbahasa berdasarkan peristiwa 3, iaitu Fuad mengejutkan Farhana dari tidur terdapat dalam Jadual 8 yang berikut:

**Jadual 8** Pemetaan Struktur Peristiwa 3

Peristiwa: 3	Unsur	Dialog	Maksim
Fuad mengejutkan Farhana dari tidur	Unsur sapaan	<b>Fa:</b> Fuad.	Kebijaksanaan
	Unsur suruhan	<b>Fu :</b> Tidurlah.	
	Unsur pernyataan	<b>Fu :</b> Biar aku pula yang jaga.	Kedermawanan
	Unsur suruhan	<b>Fu:</b> Bangunlah Ana. Pergilah basuh muka.	Kebijaksanaan
	Unsur cadangan	<b>Fu:</b> Kau boleh pesan pada misi supaya jenguk-jengukkan mak.	
	Unsur pertanyaan	<b>Fa :</b> Apa halnya ni, Fuad?	Relevan
	Unsur pernyataan	<b>Fu :</b> Ada hal penting.	
	Unsur ajakan	<b>Fu :</b> Apa halnya, mari kita bincang di bawah.	Kebijaksanaan

Berdasarkan pemetaan struktur peristiwa 3 sebagaimana paparan dalam Jadual 8, mukadimah perbualan dimulakan oleh Farhana dengan menyapa Fuad apabila terjaga daripada tidur dalam dialog **Fuad** dan Fuad menyuruh Farhana tidur semula dalam dialog **Tidurlah**. Kemudiannya, Fuad menyatakan bahawa dia yang akan menjaga ibu Farhana sebagai tanda dermawannya sebagaimana dalam dialog **Biar aku pula yang jaga** walaupun memaksimumkan kos dirinya. Seterusnya, Fuad menggunakan unsur suruhan dalam dialog **Bangunlah Ana. Pergilah basuh muka** dengan menyuruh Farhana bangun dan membasuh muka. Setelah itu, Fuad memberikan cadangan kepada Farhana agar meminta pertolongan daripada jururawat untuk melihat-lihat keadaan ibunya sebagaimana dalam dialog **Kau boleh pesan pada misi supaya jenguk-jengukkan mak** sebagai tanda berhemah dalam berkomunikasi agar tidak membebankan perasaan Farhana. Selanjutnya, bagi mendapatkan maklumat yang relevan, Farhana menggunakan unsur pertanyaan dalam dialog **Apa halnya ni, Fuad?** dan Fuad memberikan maklumat yang relevan bahawa ada hal penting walaupun tidak menyatakan hal tersebut dalam dialog **Ada hal**

**penting.** Akhirnya, Fuad mengajak Farhana berbincang dalam dialog **Apa halnya, mari kita bincang di bawah.** Unsur sapaan, suruhan, pernyataan, cadangan dan ajakan digunakan dalam peristiwa ini bagi menggambarkan kesopanan selain mencapai objektif komunikasi, iaitu untuk berbincang tentang hal yang mustahak.

- (iii) **Peristiwa 5** : Fuad mencungkil latar belakang ibu Farhana  
 – Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Persetujuan + Kuantiti

Peristiwa yang mematuhi pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Persetujuan + Relevan terdapat dalam Lampiran 6. Pemetaan struktur peristiwa kesopanan berbahasa berdasarkan peristiwa 5, iaitu Fuad mencungkil latar belakang ibu Farhana terdapat dalam Jadual 9 yang berikut:

**Jadual 9** Pemetaan Struktur Peristiwa 5

Peristiwa: 5	Unsur	Dialog	Maksim
Fuad mencungkil latar belakang ibu Farhana	Unsur pertanyaan	<b>Fu:</b> Pernah tak kau tinggal di Kuala Lipis?	Kuantiti
	Unsur pernyataan	<b>Fa:</b> Setakat yang aku tahu, tak pernah	
	Unsur pertanyaan	<b>Fu:</b> Kau pernah tak cerita fasal aku kepada mak?	
	Unsur pernyataan	<b>Fa:</b> Ada tak ada, cuma hari tu sajalah.	
	Unsur pertanyaan	<b>Fu:</b> Jadi, mak tahu aku orang Raub?	Persetujuan
	Unsur pernyataan	<b>Fa:</b> Rasa aku, ya. Tapi tak pasti pula dia ingat atau tidak.	
	Unsur pertanyaan	<b>Fu:</b> Kau tak tanya apa isi kotak tu?	Relevan
	Unsur pernyataan	<b>Fa:</b> Mak kata cincin. Cincin yang ayah bagi.	
	Unsur pertanyaan	<b>Fu:</b> Pernah tak kau tengok cincin tu? (Farhana menggeleng)	Kebijaksanaan

Berdasarkan pemetaan struktur peristiwa 5 sebagaimana paparan dalam Jadual 9, mukadimah perbualan dimulakan oleh Fuad dengan menggunakan unsur pertanyaan dalam dialog **Pernah tak kau tinggal di Kuala Lipis?** sebagai tanda untuk mendapatkan maklumat yang tepat dan mencukupi daripada Farhana. Kemudian, Farhana menyatakan maklumat yang mencukupi dalam dialog **Setakat yang aku tahu, tak pernah.** Fuad bertanya lagi kepada Farhana bagi mendapatkan maklumat yang tepat sebagaimana dalam dialog **Kau pernah tak cerita fasal aku kepada mak?** dan Farhana menyatakan maklumat yang tepat dengan pertanyaan Fuad dalam dialog **Ada tak ada, cuma hari tu sajalah.**

Seterusnya, Fuad menggunakan lagi unsur pertanyaan bagi mendapatkan persetujuan sama ada ibu Farhana mengetahui dirinya orang Raub dalam dialog **Jadi, mak tahu aku orang Raub?** Farhana pula menggunakan unsur pernyataan dalam dialog **Rasa aku, ya. Tapi tak pasti pula dia ingat atau tidak** bagi memberikan persetujuan tentang hal tersebut. Kemudian Fuad menggunakan unsur pertanyaan bagi mendapatkan maklumat yang relevan tentang isi kandungan kotak dalam dialog **Kau tak tanya apa isi kotak tu?** Farhana pula menggunakan unsur pernyataan bagi memberikan maklumat yang relevan **Mak kata cincin. Cincin yang ayah bagi.** Akhirnya, Fuad menggunakan unsur pertanyaan sekali lagi dalam dialog **Pernah tak kau tengok cincin tu?** bagi menandakan usahanya menyiasat dengan cara yang berhemah yang hanya dijawab dengan gelengan oleh Farhana. Unsur pertanyaan dan pernyataan digunakan dalam peristiwa ini bagi menggambarkan kesopanan selain mencapai objektif komunikasi, iaitu mendapatkan maklumat tentang ibu Farhana.

## KESIMPULAN

Berdasarkan analisis yang dilakukan, didapati pemetaan struktur peristiwa terhadap enam peristiwa yang dianalisis telah mematuhi Pola 1 dan Pola 2 dalam MPKMU. Selanjutnya, hasil pemetaan memperlihatkan variasi. Dapatan analisis dapat diringkaskan sebagaimana yang terdapat dalam Jadual 10 berikut.

**Jadual 10** Hasil Pemetaan Struktur

Pola	No/Jumlah peristiwa	Hasil pemetaan struktur
1 <b>(6 PS + 4 PK)</b>	1	Kuantiti+Kebijaksanaan+Simpati+Kebijaksanaan+Kerendahan Hati+Persetujuan
	4	Kebijaksanaan+Persetujuan+Kebijaksanaan+Cara+Persetujuan+Cara
	6	Simpati+Kebijaksanaan
2 <b>(5 PS + 3 PS)</b>	2	Kuantiti+Kebijaksanaan+Persetujuan
	3	Kebijaksanaan+Kedermawanan+Kebijaksanaan+Relevan+Kebijaksanaan
	5	Kuantiti+Persetujuan+Relevan+Kebijaksanaan

Jadual 11 menunjukkan hasil pemetaan struktur berdasarkan enam peristiwa yang diklasifikasikan dalam Pola 1 dan Pola 2. Peristiwa 1, 4, 6, 2, 3 dan 5 menunjukkan struktur peristiwa yang bervariasi antara satu sama lain. Pemetaan ini memperlihatkan struktur peristiwa yang bervariasi walaupun kesemuanya tercakup dalam pola yang sama. Hasil pemetaan struktur peristiwa dalam Pola 1 dan Pola 2 tidak memperlihatkan sama ada persamaan atau pengulangan struktur antara keenam-enam peristiwa tersebut. Perkara ini berlaku bertitik tolak daripada faktor penggunaan unsur-unsur bahasa yang berbeza-beza bagi mengekspresikan maksim-maksim tertentu selain setiap peristiwa mempunyai konteks, latar, topik dan situasi yang berbeza-beza bagi mencapai objektif komunikasi tanpa mengesampingkan aspek kesopanan. Impaknya, hasil pemetaan struktur peristiwa memperlihatkan variasi dari segi penyusunan struktur peristiwa komunikasi yang berlangsung, sekaligus mencapai objektif komunikasi. Situasi ini memberikan gambaran bahawa penggunaan bahasa yang sopan atau halus tidak boleh dipandang remeh walaupun setiap komunikasi perlu diakhiri dengan pencapaian objektif tertentu. Indirawati Zahid (2010, 12) ada memperkatakan hubung kait antara bahasa halus dan kesopanan kerana penggunaan bahasa halus merupakan salah satu strategi yang digunakan untuk mencapai objektif komunikasi.

Hasil pemetaan struktur peristiwa hanya memperlihatkan pengulangan penggunaan maksim tertentu dalam peristiwa

komunikasi. **Peristiwa 1, 4 dan 3** memperlihatkan pengulangan Maksim Kebijaksanaan sebanyak dua kali. Situasi ini berlaku bertitik tolak atas faktor penutur dan pendengar mementingkan kebijaksanaan dan kearifan dalam berkomunikasi yang dimanifestasikan oleh cara yang berhemah semasa berurus dan mendekati orang lain. Perkara ini akan menyerlahkan kesopanan sekali gus dapat mengelakkan pendengar berasa terbeban. Lanjutan daripada itu, komunikasi akan berlangsung dengan harmoni kerana setiap pihak berasa selesa.

Pengulangan penggunaan Maksim Persetujuan pula berlaku dua kali dalam **peristiwa 4**. Pengulangan maksim ini memberi cerminan bahawa peristiwa komunikasi memberi penekanan terhadap aspek kelancaran ketika berkomunikasi bagi mewujudkan persefakatan dan situasi bebas konflik. Dapatkan turut memperlihatkan pengulangan penggunaan Maksim Cara, iaitu sebanyak dua kali dalam peristiwa ini. Perkara ini menunjukkan betapa signifikannya kaedah pemberian maklumat yang jelas dan terperinci bagi meningkatkan pemahaman pendengar dalam berkomunikasi.

Pemetaan struktur peristiwa komunikasi memaparkan penggunaan unsur-unsur bahasa melalui penggunaan kata, ungkapan dan ayat yang mengekspresikan penggunaan maksim-maksim tertentu. Unsur-unsur yang digunakan dalam enam peristiwa ini adalah seperti unsur cadangan, sapaan, permintaan, pertanyaan, pernyataan, penghargaan, nasihat, ajakan, suruhan, penerangan dan penjelasan. Dalam analisis ini, didapati unsur pertanyaan dan pernyataan amat dominan penggunaannya. Unsur pertanyaan amat signifikan bagi membolehkan komunikasi berlanjutan selain sebagai salah satu saluran untuk mendapatkan maklumat yang bertepatan dan relevan dengan permintaan atau pertanyaan. Sementara unsur pernyataan pula didapati signifikan bagi menyampaikan maklumat yang diminta, ditanya dan dicadang sama ada untuk mengusulkan persefakatan, mengekspresikan simpati dan meluahkan perasaan.

Berdasarkan huraian daptan di atas, didapati objektif kajian ini, iaitu memetakan struktur peristiwa kesopanan berbahasa berdasarkan model yang digunakan telah tercapai. Ringkasnya, hasil pemetaan struktur peristiwa memperlihatkan variasi. Perkara ini memperjelas bahawa pemetaan struktur peristiwa kesopanan bukanlah berlaku secara sewenang-wenangnya tetapi bergantung kepada objektif komunikasi dalam sesuatu peristiwa yang berlangsung. Hal ini selari dengan pandangan Abdullah Hassan dan Ainon Ahmad (1999) yang berpendapat bahawa untuk mencipta komunikasi yang berkesan, kita perlu menguruskan proses komunikasi supaya semua pihak yang

terlibat berasa puas kerana objektif mereka tercapai. Hasil pemetaan juga memperlihatkan bahawa kesopanan boleh dimanifestasikan dengan pelbagai cara, iaitu tidak semestinya mematuhi susunan skala Leech (1983) dan Grice (1975) sebagaimana yang terbentuk dalam MPKMU. Penyusunan struktur yang berbeza-beza berdasarkan pemetaan memperlihatkan kesesuaian susunan struktur peristiwa berkenaan dengan objektif komunikasi sebagaimana dalam paparan analisis peristiwa dalam novel *Melunas Rindu*.

## RUJUKAN

- Ab Rahman Bin Ab Rashid. (2006). *Hubungan estetik dan nilai dengan latar belakang murid dalam pendidikan Komsas*. (Tesis PhD yang tidak diterbitkan). Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim.
- Abdul Mua'ti@ Zamri Ahmad. (2001). *Santun komunikasi*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Hassan dan Ainon Ahmad. (1999). *Komunikasi untuk guru*. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Asmah Hj Omar. (2000). *Wacana, perbincangan, perbahasan dan perundingan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan. (2007). *Santun berbahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Brown, P. dan Levinson, S. C. (1987). *Politeness some universals in language usage*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Dahlia Janan. (2003). *Kebolehpercayaan dan kesesuaian teks komponen sastera bahasa Melayu*. (Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan). Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim.
- Grice, H.P. (1975). Logic and conversations. Dlm Cole, P., & Morgan. (ed). *Syntax and semantic: Speech act*. (hlm. 41-58). New York: Academic Press.
- Hartini Hamzah. (2009). *Melunas Rindu* (Edisi Murid). Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd. & Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Indirawati Zahid. (2010, Mac). Bahasa halus paparan kesantunan Melayu. *Dewan Bahasa*, 12-15.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2003). *Huraian sukanan pelajaran kurikulum bersepadu sekolah menengah: Bahasa Melayu tingkatan empat*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Leech, G. (1983). *Principles of pragmatics* . London: Longman.

- Leech, G. (1993). *Prinsip pragmatik*. Azhar M. Simin (terjemah). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ma'arof Abdul Rahman. (2005, Mac). Prinsip kesantunan. *Dewan Bahasa*, 16-17.
- Mohd Yazid Bin Haji Kassim. (2005). *Genre drama dalam teks sastera: kajian kandungan nilai*. (Tesis PhD yang tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Nor Azian Ab. Aziz. (2005). *Analisis Kesantunan berbahasa: satu kajian kes*. (Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Noriati Abd. Rashid. (2003). *Kesantunan orang Melayu dalam majlis pertunangan*. (Tesis PhD yang tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Noriati Abd. Rashid. (2005). Nilai kesantunan dalam konteks sosiobudaya masyarakat Melayu. *Jurnal pengajian Melayu*. (15), 232-253.
- Noriati Abd. Rashid. (2013). *Kesantunan orang Melayu dalam majlis pertunangan*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Norazlina Mohd Kiram. (2010, Februari). Kesantunan bahasa cerminan peribadi. *Dewan Bahasa*, 59-61.
- Noor Hatini binti Zolkifli dan Siti Saniyah Abu Bakar. (2011). Unsur eufemisme dalam novel Papa dan Azfa Hanani. *Jurnal Bahasa*, 12(1), 83-108
- Sara Beden dan Indirawati Zahid. (2014). Analisis kesopanan berbahasa dalam komponen sastera (Komsas): Melunas Rindu. *Jurnal Isu dalam Pendidikan*, 38(2), 235-246.
- Saville-Troike, M. (1991). *Etnografi komunikasi suatu pengenalan* . Ajid Che Kob (terjemah). Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka & Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Shukri Zakaria. (2007). *Analisis nilai-nilai murni novel Panas Salju tingkatan 3*. (Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- S. Walter et.al. (1995). *Membesar bersama kesusasteraan*. Diterjemahkan oleh Shamsudin Jaafar. Dewan Bahasa dan Pustaka & Kementerian Pendidikan Malaysia : Kuala Lumpur.
- Yahya Othman. (2005, Julai). Budi Bahasa dalam Pengajaran Bahasa. *Dewan Bahasa*, 31-32.

## LAMPIRAN 1

Peristiwa 1: Perbualan tentang penyakit ibu Farhana dan teguran Fuad

Pola kombinasi maksim/Peristiwa Buku/Bab	Kebijaksanaan + Kerendahan Hati + Persetujuan + Simpati + Kuantiti
MR-B16(19)-Fu-H174-D1/24	Tak apa. Jom, kita ke atas. Mak sakit apa? Terukkah?
MR-B16(19)-Fa-H174-D1/20	Sakit biasa dialah. Lelah. Semasa masuk hospital tengah hari tadi, katanya teruk. Sekarang okey sikit, dah boleh bercakap.
MR-B16(19)-Fu-H174-D2/24	Alhamdulillah.
MR-B16(19)-Fa-H174-D2/20	Mak sakit tak menentu. Mujurlah adik-adik boleh diharap. Masa-masa ginilah aku ras macam nak minta tukar saja tahun depan. Kasihan mak. Esok macam mana, tak kan kau nak cuti sakit?
MR-B16(19)-Fu-H175-D3/24	Aku ingat nak ambil cuti sakit sajalah. Lagipun aku belum pernah ambil sejak kerja.
MR-B16(19)-Fa-H175-D3/20	Menyusahkan kau saja, Fuad.
MR-B16(19)-Fu-H175-D4/24	Ana ... Kalau betul kau kawan aku, aku harap kau tak cakap lagi perkara-perkara macam tu. Kau buat aku ni tak penting langsung bagi engkau, sedangkan pada pihak aku, kau sangat penting.
MR-B16(19)-Fa-H175-D4/20	Okey, maaf, maaf.
MR-B16(19)-Fu-H176-D5/24	Aku tak marah, Ana.
MR-B16(19)-Fa-H176-D5/20	Aku tahu. Kau memang takut nak marah aku.

## LAMPIRAN 2

Peristiwa 4 : Fuad bertanyakan maklumat ibu Farhana

Pola kombinasi maksim Buku/Bab	Kebijaksanaan+ Persetujuan+Cara (penjelasan dan susunan tertib)
MR-B16(19)-Fu-H182-D11/24	Ana ... Betul ke nama mak kau, Mariana?
MR-B16(19)-Fa-H182-D10/20	Memang pun nama mak aku Mariana.
MR-B16(19)-Fu-H183-D12/24	Jadi, memang betullah? Mariana binti Osman, ya?
MR-B16(19)-Fa-H183-D11/20	Ya, betul. Apa hal ni, Fuad? Bingung aku.
MR-B16(19)-Fu-H183-D13/24	Kenapa kau tak pernah beritahu aku?
MR-B16(19)-Fa-H183-D12/20	Beritahu apa? Nama mak? Perlukah aku beritahu? Maksud aku, dalam persahabatan kita dengan sesiapa pun, adakah pernah kita tanya nama mak kawan kita? Kalau kita tahu pun, mungkin secara kebetulan. Saja-saja nak tanya, rasa aku tidak. Ganjal bunyinya. Lagipun, cuba kau ingat balik. Ada pernah kau tanya nama mak kepada aku selama ni? Apa hal ni, Fuad? Tolonglah beritahu aku.
MR-B16(19)-Fu-H183-D14/24	Kau tau Ana, nama mak aku pun Mariana juga. Dan datuk aku pula, dipanggil Seman. Besar kemungkinan nama betulnya ialah Osman. Jadi, nama mak aku ialah Mariana binti Osman, sama macam nama mak engkau dan mak aku pula khabarnya masih hidup ...
MR-B16(19)-Fa-H183-D13/20	Farhana :Fuad ...?
MR-B16(19)-Fu-H183-D15/24 MR-B16(19)-Fa-H183-D14/20	Betul nama mak engkau, Mariana? Betul. Ya Allah, kenapa boleh jadi macam ni? Nama aku sendiri adalah gabungan nama mak dengan nama arwah ayah!
MR-B16(19)-Fu-H183-D16/24	Ginilah Ana. Pertama sekali, kita perlu tenangkan fikiran. Gunakan segala kematangan dan kebijaksanaan yang kita ada untuk menerima apa sahaja takdir untuk kita. Kita semua ni makhluk Allah. Ingat, Allah menurunkan dugaan kepada hamba-hamba yang dikasihi-Nya. Kedua, kita siasat dulu. Semua ini mungkin betul, tapi mungkin juga salah. Segala-galanya bergantung pada jawapan engkau selepas ini. Boleh? Farhana (mengangguk)

### LAMPIRAN 3

Peristiwa 6 : Fuad menasihati Farhana agar menerima takdir

Pola kombinasi maksim Buku/Bab	Kebijaksanaan + Simpati
MR-B16(19)-Fa-H187-D20/20	Macam mana kalau mak terjaga? Dia sakit, lelah lagi. Saya bimbang sakitnya bertambah teruk.
MR-B16(19)-Fu-H187-D23/24	Sabarlah Ana, sabarlah. Mari, Ana. Kita duduk di koridor tu sekejap. Segalanya cukup berat untuk kita, Ana. Aku pun tak tahu, mengapa semuanya harus berakhir seperti ini. Walaupun aku belum pernah berterus terang dengan engkau, aku yakin kau sebenarnya tahu perasaan aku. Mana mungkin ... ya, mana mungkin kita hadapi hakikat yang sebegini.
MR-B16(19)-Fu-H188-D24/24	Farhana : (Tangisan Farhana mulai menggila) Tapi, yakinlah Ana. Setiap satu pemberian Allah kepada kita, tentu ada hikmahnya. Mungkin sekarang kita tak dapat melihatnya lagi kerana kita sangat hampa. Tapi sekurang-kurangnya tidakkah kau rasa bangga, kita yang sama-sama cerdik ni, sebenarnya keluar daripada rahim yang sama. Lama-lama nanti, kau tentu akan gembira menerima aku sebagai abang kau. Jodoh pertemuan, semua tu kuasa Tuhan. Aku yakin, kau akan bertemu jodoh dengan orang yang jauh lebih baik daripada aku. Dahlah, jangan nangis lagi.

### LAMPIRAN 4

Peristiwa 2 : Perbualan tentang adik-adik Farhana

Pola kombinasi maksim Buku/Bab	Kebijaksanaan + Persetujuan + Kuantiti
MR-B16(19)-Fu-H176-D6/24	Mak sakit pun kau boleh bising lagi? Eh, adik-adik kau di rumah siapa jaga?

**Lampiran 4** samb...

Pola kombinasi maksim Buku/Bab	Kebijaksanaan + Persetujuan + Kuantiti
MR-B16(19)-Fa-H176-D6/20	Tak ada siapa. Mereka dah besar, pandai bawa diri. Lagipun mereka dah biasa macam ni. Mak memang selalu masuk hospital. Aku pula jauh. Cuma, kalau kau lapang, bolehlah kau jenguk mereka di rumah sekejap. Nak tidur di rumah pun tak apa. Tapi, faham-faham sajalah. Empat orang hero, rumah mesti macam kapal karam.
MR-B16(19)-Fu-H176-D7/24	Okey, nanti selepas maghrib aku pergi. Err ... Ana, aku ingat nak tidur di sini saja, temankan engkau. Boleh tak?
MR-B16(19)-Fa-H176-D7/20	Kalau sudi tidur di kaki lima, apa salahnya. Tapi aku ingat misi mesti marah. Ginilah. Kau tipu sikit. Cakap kepada dia yang sakit tu mak engkau. Okey

**LAMPIRAN 5**

Peristiwa 3 : Fuad mengejutkan Farhana dari tidur

Pola kombinasi maksim Buku/Bab	Kebijaksanaan + Kedermawanan + Relevan
MR-B16(19)-Fa-H179-D8/20	Fuad.
MR-B16(19)-Fu-H179-D8/24	Tidurlah. Biar aku pula yang jaga.
MR-B16(19)-Fu-H182-D9/24	Bangunlah Ana. Pergilah basuh muka. Ada perkara penting yang aku nak bincang dengan engkau. Aku rasa, mak engkau ni tentu lena tidurnya. Kita bincang di bawahlah, ya? Kau boleh pesan pada misi supaya jenguk-jengukkan mak.
MR-B16(19)-Fa-H182-D9/20	Apa halnya ni, Fuad?
MR-B16(19)-Fu-H182-D10/24	Ada hal penting. Apa halnya, mari kita bincang di bawah. Mari.

**LAMPIRAN 6**

Peristiwa 5 : Fuad mencungkil latar belakang ibu Farhana

Pola kombinasi maksim Buku/Bab	Kebijaksanaan+Persetujuan+Relevan
MR-B16(19)-Fu-H184-D17/24	Pernah tak kau tinggal di Kuala Lipis?
MR-B16(19)-Fa-H184-D15/20	Setakat yang aku tahu, tak pernah. Tapi, mungkin juga aku tak tahu. Mak tak pernah cerita apa-apa? Ayah? Tak pernah. Yang aku tahu, aku ni anak sulung.
MR-B16(19)-Fu-H185-D18/24	Kau pernah tak cerita fasal aku kepada mak?
MR-B16(19)-Fa-H185-D16/20	Ada tak ada, cuma hari tu sajalah. Hari yang kau hanter aku dulu.
MR-B16(19)-Fu-H185-D19/24	Jadi, mak tahu aku orang Raub?
MR-B16(19)-Fa-H185-D17/20	Rasa aku, ya. Tapi tak pasti pula dia ingat atau tidak. Cuma masa kenalkan kau hari tu saja aku bercerita tentang engkau. Selepas itu tak pernah lagi. Mak mungkin tak perasan. Siapa sangka, sebab muka kau Melayu. Manalah dia tahu kau mualaf.
MR-B16(19)-Fu-H185-D20/24	Takkan mak kau tak pernah langsung menyebut Kuala Lipis, atau Lembah Klau?
MR-B16(19)-Fa-H185-D18/20	Tak pernah, Fuad. Memang tak pernah. Tapi ... Mungkin betul juga mak ada menyimpan rahsia. Ada pernah sekali, aku masuk ke biliknya tanpa mengetuk pintu. Cepat-cepat dia tutup sebuah kotak kecil, selepas tu terus simpan. Mata dia merah masa tu. Puas aku tanya kenapa mak menangis. Dia cuma menggeleng, katanya tak ada apa-apa.
MR-B16(19)-Fu-H185-D21/24	Kau tak tanya apa isi kotak tu?
MR-B16(19)-Fa-H185-D19/20	Mak kata cincin. Cincin yang ayah bagi. Aku pun, bila dia kata macam tu terus buat kesimpulan yang dia teringatkan arwah ayah. Selepas tu aku tak berani tanya apa-apa lagi.
MR-B16(19)-Fu-H185-D22/24	Pernah tak kau tengok cincin tu? Farhana menggeleng.